

'Kita tidak tunduk kepada Cuepacs'

BM 25 AUG 1985

KUCHING, Sabtu — Perdana Menteri, **Datuk Seri Dr Mahathir**, berkata, kerajaan tidak akan tunduk kepada mana-mana golongan termasuk Cuepacs sekalipun mereka tidak mahu terus menyokong Barisan Nasional.

"Kerajaan tidak boleh tunduk kepada Cuepacs. Jika kerajaan tunduk kepada mereka, kerajaan terpaksa pula tunduk kepada kumpulan lain yang membuat ancaman yang sama," te-

gas beliau.

Perdana Menteri berkata, kerajaan diamanahkan supaya mengagihkan wang negara, iaitu wang rakyat, kepada setiap rakyat dan bukan kepada golongan tertentu sahaja.

Beliau menyifatkan ancaman Cuepacs itu sebagai usaha negatif untuk menyalurkan wang negara ke dalam 'kocek mereka sahaja'.

"Kerajaan tidak boleh menggunakan wang negara semata-mata untuk memenuhi permintaan

Cuepacs walaupun bagi memastikan Barisan Nasional menang dalam pilihanraya," tegas beliau kepada pemberita di lapangan terbang Kuching sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur setelah mengadakan lawatan empat hari di negeri ini.

"Kerajaan sedar ahli-ahli Cuepacs adalah rakyat. Tetapi jika mereka mahu kerajaan menyalahgunakan wang, terpuanglah kepada mereka," katanya.

Perdana Menteri berkata, jika kerajaan tunduk kepada Cuepacs atau mana-mana golongan yang membuat pelbagai

ancaman, kerajaan terpaksa tunduk berterusan dan perkara seumpama ini tidak akan berakhir.

"Ahli-ahli Cuepacs, seperti lain-lain rakyat negara ini, bebas mengundi mana-mana calon daripada mana-mana parti yang difikir boleh membawa kemajuan," tegasnya.

Awal bulan ini, Presiden Cuepacs, Encik Ahmad Nor, mengingatkan kerajaan bahawa ahli-ahli kesatuan itu tidak akan meneruskan sokongan kepada Barisan Nasional jika tuntutan gaji mereka tidak diselesaikan pada tarikh itu.